

**NO. SOALAN : 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7530**

**SOALAN:**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan ROS terhadap pemilihan semula CEC DAP dan mengapakah ROS melengah-lengahkan keputusan walaupun pemilihan semula tersebut telah dijalankan pada 29 September 2013.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian ini melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia masih menjalankan siasatan menyeluruh terhadap Democratic People's Party (DAP) berikutan pemilihan semula yang telah dijalankan oleh pihaknya pada 29 September 2013.**

**Walau bagaimanapun, pada 03 April 2014, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah menerima surat daripada pihak Democratic People's Party (DAP) yang memohon semakan kehakiman ke atas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kerana mengeluarkan surat bertarikh 06 Disember 2014 yang meminta Democratic People's Party (DAP) mengemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Jabatan. Oleh itu, pengurusan kes telah dijalankan pada 23 September 2014 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang mana pada sesi tersebut, pihak Democratic People's Party (DAP) telah menarik balik niat saman terhadap Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia setelah menyedari dan mengakui bahawa surat daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kepada Democratic People's Party (DAP) yang bertarikh 06 Disember 2013 adalah berniat untuk menasihati dan bukan bermaksud memberikan suatu arahan kepada parti.**

**Sehingga kini, siasatan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ke atas Democratic People's Party (DAP) masih diteruskan memandangkan pihak Jabatan masih lagi menerima aduan-aduan baru ke atas pihaknya walaupun setelah pemilihan semula dalaman parti tersebut telah dijalankan.**